



Melindungi Era Seterusnya

**Memperkasakan perlindungan yang teguh
dan kestabilan kewangan jangka panjang**



**Great Eastern Takaful Berhad
Dana-dana Berkaitan Pelaburan**

Laporan Tahunan – 31 Disember 2025

KANDUNGAN

- 1 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 4 Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti
- 5 Objektif-objektif Dana
- 6 Ulasan dan Prospek Pelaburan
- 10 Prestasi Dana 2025
- 12 Parbandingan Prestasi Dana
- 20 Penyata oleh Pengurus
- 21 Laporan Jawatankuasa Syariah
- 22 Laporan Juruaudit Luar
- 25 Penyata-penyata Aset dan Liabiliti
- 26 Penyata-penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
- 27 Penyata-penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 28 Nota kepada Maklumat Kewangan



Pemegang Unit Yang Dihormati,

Tahun 2025 merupakan tahun yang mencetuskan pembaharuan dan penilaian semula perspektif, daya tahan dan kepercayaan. Ingin saya mulai laporan ini dengan merakamkan penghargaan ikhlas saya kepada para peserta takaful, rakan pengedaran, warga agensi serta kakitangan yang berdedikasi atas kepercayaan yang telah diberikan kepada kami. Keyakinan berterusan anda terhadap Great Eastern Takaful Berhad sebagai pengurus kewangan jangka panjang anda amat kami hargai. Dalam menghadapi pergolakan pasaran, fokus kami tetap utuh, iaitu untuk menguruskan pelaburan anda secara berhemat, telus dan mengikut prinsip Syariah.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Prestasi Dana-dana berkaitan Pelaburan

Sepanjang tahun 2025, prestasi dana berkaitan pelaburan kami mencatatkan prestasi berbeza, sejajar dengan mandat yang ditetapkan serta pendedahan setiap dana kepada perubahan pasaran. Dana i-Makmur merekodkan pulangan lebih tinggi sebanyak 5.54% berbanding 4.85% yang dicatatkan tahun lepas, mengatasi penanda arasnya (Deposit Mudharabah 12 bulan) yang mencapai pulangan sebanyak 2.27%. Tahun ini menyaksikan Dana i-Majmuk memperoleh jumlah pulangan sebanyak 1.45%, mengatasi penanda arasnya (wajaran 50% ke atas Pulangan Deposit Mudharabah 12 bulan dan wajaran 50% ke atas Pulangan Indeks FBMS) yang merekodkan pulangan -0.83%. Dana i-Mekar pula mencatatkan pulangan sebanyak -2.70% namun masih mengatasi penanda arasnya (FTSE Bursa Malaysia Emas Syariah) yang mencatatkan pulangan sebanyak -3.93%, manakala Dana Global i-Ekuiti yang memberi tumpuan kepada prinsip ESG, mencatatkan pulangan menurun sebanyak -10.33%, tidak mengatasi prestasi penanda arasnya (Indeks MSCI ACWI Islam (Shariah)) yang mencatatkan pulangan sebanyak 8.94%. Walaupun kami berusaha untuk memenuhi pelbagai keperluan pelabur kami, keputusan yang dicatatkan ini dipengaruhi oleh keadaan pasaran yang lebih meluas, dan adalah penting untuk kami menyampaikannya dengan jelas dan terbuka.

Mengemudi Masa Depan dengan Sepenuh Keyakinan

Walaupun pergolakan pasaran jangka pendek diramalkan akan berterusan, saya tetap optimis tentang unjuran jangka sederhana hingga panjang. Kitaran pasaran memang tidak dapat dielakkan dalam dunia pelaburan, dan kami beriltizam untuk menunaikan tanggungjawab kami untuk membantu anda menerajui pergerakan ini dengan disiplin dan perspektif yang telus. Tadbir urus pelaburan kami akan sentiasa diperkukuh, dengan penekanan tentang kepelbagaian dan menyelaraskan strategi risiko untuk memenuhi keperluan kewangan dan peringkat kehidupan yang berbeza.

Dimangkin oleh misi kami untuk melindungi dan memperkasa, kami terus memperkukuh keupayaan pengedaran kami melalui warga agensi yang semakin berkembang dan perkongsian strategik dengan rakan korporat dan bank terkemuka, termasuk OCBC Bank. Penyelesaian takaful kami, yang merangkumi perlindungan kesihatan dan kewangan, telah direka khusus untuk memberikan melindungi kewangan anda dengan baik. Sepanjang tahun ini, kami terus menambah baik pelan takaful perubatan kami dengan ciri-ciri yang menggalakkan penggunaan penjagaan kesihatan yang berhemat, termasuk insentif tanpa tuntutan yang memberi ganjaran kepada pelanggan dengan tahap kesihatan yang baik, sambil mengekalkan perlindungan perubatan yang komprehensif melalui rider baharu.



Tadbir urus pelaburan kami akan sentiasa diperkukuh, dengan penekanan tentang kepelbagaian dan menyelaraskan strategi risiko untuk memenuhi keperluan kewangan dan peringkat kehidupan yang berbeza. 99

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif (sambungan)

Sepanjang tahun ini, kami terus menambah baik pelan takaful perubatan kami dengan ciri-ciri yang menggalakkan penggunaan penjagaan kesihatan yang berhemat, termasuk insentif tanpa tuntutan yang memberi ganjaran kepada pelanggan dengan tahap kesihatan yang baik, sambil mengekalkan perlindungan perubatan yang komprehensif melalui rider baharu.

Menyedari tentang pergerakan pantas teknologi yang membolehkan jangkaan diperbaharui mengikut peredaran semasa, kami telah memanfaatkan kecerdasan buatan (AI) untuk mempertingkatkan cara kami beroperasi, berinteraksi dan berkhidmat kepada pihak berkepentingan kami. Penggunaan saranan yang didayakan AI merentasi pelbagai sektor perniagaan dan pelanggan terpilih, kami dapat meningkatkan kecekapan, memperkukuh proses membuat keputusan dan memberikan pengalaman yang diperibadikan dengan lebih pantas.

Paling utama, kami sentiasa beriltizam untuk melindungi, memelihara dan mengembangkan semua perkara yang paling bermakna bagi anda, membolehkan semua rakyat Malaysia lebih yakin untuk Mencapai Kejayaan.

Bagi pihak Pengurusan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pelanggan, rakan korporat dan bank, warga agensi, kakitangan dan semua pemegang unit atas sokongan teguh yang tidak berbelah bahagi.

Semoga Allah SWT. melimpahkan petunjuk-Nya dalam semua perkara yang kita lakukan, Amin.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

Untuk Great Eastern Takaful Berhad,

SHAHRUL AZLAN SHAHRIMAN
Ketua Pegawai Eksekutif

Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti

Ahli Jawatankuasa

Shahrul Azlan bin Shahrman

Pengerusi
Ketua Pegawai Eksekutif,
Great Eastern Takaful Berhad

Jasveen Kaur Marne

Ketua Pegawai Kewangan,
Great Eastern Takaful Berhad

Tan Say Yen

Aktuari Yang Dilantik,
Great Eastern Takaful Berhad

Lee Li Jian

Pengurus Kanan Portfolio
– Saham, Pelaburan Ekuiti,
Great Eastern Life (Malaysia) Berhad

Leong Yu Ting

Penolong Naib Presiden,
Pengurusan Risiko Kewangan,
Great Eastern Life (Malaysia) Berhad
*(Pertukaran delegasi kepada Loke Pei Ling
berkuasa daripada 1 Mac 2026)*

Loke Pei Ling

Ketua, Pengurusan Risiko,
Great Eastern Takaful Berhad
(Dilantik berkuasa daripada 1 Mac 2026)

Rashida Mior Ahmad Darwish

Ketua, Pemasaran,
Great Eastern Takaful Berhad

Jawatankuasa Syariah

Ahli Jawatankuasa

Dr. Mohammad Firdaus bin Mohammad Hatta

*(Meletak jawatan sebagai Pengerusi dan
Ahli Jawatankuasa Syariah berkuatkuasa
daripada 12 Disember 2025)*

Dr. Muhammad Naim bin Omar

*(Dilantik sebagai Pengerusi Syariah
berkuasa daripada 13 Disember 2025)*

Dr. Muhammad Pisol bin Mat Isa

Dr. Nurul Aini binti Muhamed

En. Mohd Fadhly bin Md Yusoff

Dr. Mohd Rizal bin Muwazir @ Mukhazir

*(Dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah
berkuasa daripada 1 Jun 2025)*

Objektif-objektif Dana



Dana i-Makmur

Sebuah dana yang melabur di dalam sekuriti Islam pendapatan tetap, contohnya sukuk kerajaan dan korporat (daripada 40% hingga 100%) dan bakinya dilabur di dalam deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memberikan pulangan konsisten pada pergolakan berparas rendah. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, ia boleh juga dilaburkan di dalam sekuriti Islam pendapatan tetap di luar negara (sehingga 50%) untuk meningkatkan pulangan dana. Dana i-Makmur hanya melabur dalam sekuriti patuh Syariah.

Sebuah dana di mana 80% hingga 100% pelaburannya adalah di dalam ekuiti patuh Syariah, yang mungkin bergolak dalam jangka pendek, dan juga deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memperoleh peningkatan modal jangka sederhana ke panjang. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, sebahagiannya boleh dilaburkan di Singapura (sehingga 25%) dan Hong Kong (sehingga 25%) bila dan jika perlu bagi meningkatkan pulangan dana. Dana i-Mekar hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Mekar



Sebuah dana yang melabur di dalam ekuiti patuh Syariah, sekuriti pendapatan tetap dan deposit patuh Syariah. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset kerana dana ini boleh dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti patuh Syariah sepenuhnya. Dana ini bertujuan untuk memberikan peningkatan modal jangka sederhana ke panjang, dengan pergolakan pada paras sederhana. Dana i-Majmuk hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Majmuk



Sebuah dana yang melabur sembilan puluh peratus (90%) hingga seratus peratus (100%) daripada Nilai Aset Bersih (NAB) dalam portfolio antarabangsa ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat yang mempunyai potensi pertumbuhan yang baik. Baki NAB dana ini akan dilaburkan dalam aset cair Islam dan/atau akan dipegang secara tunai. Dana i-Ekuiti Global hanya melabur di dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Ekuiti Global



Ulasan dan Prospek Pelaburan

Ulasan Pasaran Ekuiti 2025

Pada tahun 2025, ekonomi global menunjukkan daya tahan yang luar biasa, dengan pertumbuhan melonjak pantas bagaikan trend sohor pada separuh kedua tahun ini meskipun berdepan tarif agak bergelora. Aktiviti pasaran telah disokong oleh pelonggaran kewangan, pengembangan dasar fiskal dan pelaburan yang kukuh, sebahagiannya mencerminkan perbelanjaan berkaitan teknologi. Tarif AS mencecah tahap yang menghampiri ikrar yang dibuat semasa kempen pilihan raya tetapi masih jauh berbanding 'hari pembebasan' yang diumumkan, dan berjaya mengelakkan sebarang tindak balas pasaran yang tidak diingini. Walaupun tarif bergelora menjejaskan pertumbuhan global, gencatan dagangan AS-China amat penting untuk mengelakkan perkembangan yang lebih buruk.

Gencatan yang dilanjutkan selama satu tahun seperti dipersetujui pada bulan November lepas, mengesahkan kebergantungan antara AS dan China. Perseetujuan gencatan ini mengurangkan risiko gangguan pemisahan antara kedua-dua negara dalam jangka pendek hingga sederhana dan mengukuhkan pandangan kami bahawa perkembangan tarif harus kekal terurus demi kepentingan ekonomi global.

Ekonomi AS dapat bertahan dengan baik walaupun Presiden Trump melaksanakan tarif import tertinggi dalam tempoh lebih satu abad. Walaupun pertumbuhan terganggu oleh sejumlah besar pembelian awal pada permulaan tahun, perbelanjaan pengguna terutamanya masih kekal kukuh sepanjang tahun, bertentangan dengan sentimen pengguna yang sederhana. Walaupun kuasa membeli isi rumah berpendapatan rendah mengalami tekanan, diburukkan lagi oleh kenaikan tarif yang ketara, isi rumah yang lebih kaya telah mendapat manfaat daripada peningkatan pasaran saham, di mana ia turut memberi kesan positif yang menyokong perbelanjaan pengguna. Rizab Persekutuan telah melaraskan dasar monetari sebanyak tiga kali pada tahun 2025 kepada julat 3.50 – 3.75% dan meskipun terdapat beberapa perbezaan pandangan dalam FOMC baru-baru ini, ia dijangka akan terus melonggarkan dasar monetari pada separuh pertama tahun 2026. Selain itu, pengetatan kuantitatif Rizab Persekutuan yang dijangka berakhir juga diharap akan membantu melegakan keadaan kewangan. Berlatarkan ekonomi yang kukuh,

Dow Jones Industrial Average, S&P 500, dan Nasdaq Composite mengakhiri tahun dengan masing-masing mencatatkan pulangan sebanyak +13.0%, +16.4%, dan +20.3%.

Di pasaran Asia Utara, tahun 2025 merupakan tahun yang penuh dengan "kekacauan" bagi ekonomi China. Pertumbuhan KDNK sebenar berada di sekitar sasaran 5%, sebahagian besarnya disokong oleh prestasi eksport yang kukuh. Di dalam negara, penggunaan kekal lembab. Pada separuh kedua tahun, pelaburan terkandas seketika apabila kerajaan tempatan mengutamakan pengurangan hutang berbanding pelaburan baharu. Walau bagaimanapun, di sebalik kelemahan ekonomi lama, muncul ekonomi baharu yang rancak, didorong oleh teknologi tinggi, pembuatan canggih dan tenaga hijau, semuanya menunjukkan pertumbuhan yang mengagumkan. Sementara itu, tarif AS yang tinggi ke atas barangan China terbukti kurang mengganggu berbanding kebimbangan yang dicetuskan sebelumnya. Dari segi prestasi, Indeks Hang Seng dan Indeks MSCI China masing-masing mencatatkan pulangan sebanyak +27.8% dan +29.1%.

Prestasi pasaran ASEAN-5 secara amnya berbeza dengan Indeks STI Singapura yang mencatatkan keuntungan terbesar dengan pulangan 22.7% berdasarkan reputasi domestik defensif yang kukuh dan inisiatif dasar yang tegas oleh pengawal selia. Indeks Komposit Bursa Saham Jakarta Indonesia mencatatkan pulangan +22.1%

Ulasan dan Prospek Pelaburan (sambungan)

hasil pulangan aliran runcit yang kukuh. Selepas prestasi yang lemah secara amnya sepanjang tahun 2025, Indeks Syariah FBM Malaysia mengakhiri tahun pada -3.9%, terjejas oleh kelemahan dalam sektor utiliti, telekomunikasi, teknologi, hartanah dan pembinaan. Malaysia menyaksikan aliran keluar dana asing sebanyak RM22.3 bilion dengan pegangan saham asing pada 19.0%.

Ulasan Pasaran Sukuk 2025

Pada tahun 2025, pasaran sukuk global menyaksikan pergolakan yang ketara akibat ketidakpastian dasar, dasar monetari yang berbeza antara ekonomi utama, dan ketegangan geopolitik. Pengumuman “Hari Pembebasan” oleh Presiden Trump dan penganan tarif yang agresif adalah antara peristiwa penting yang memacu pasaran kewangan global merentasi kelas aset. Bank-bank pusat di Eropah, Jepun, dan China melaraskan kadar dasar mereka sebagai tindak balas kepada keadaan ekonomi, yang membawa kepada perubahan pergerakan dalam hasil sukuk. IMF menyemak semula unjuran pertumbuhan global untuk tahun 2025 menurun ke bawah, menegaskan kesan ketegangan perdagangan dan kelemahan fiskal. Ketegangan geopolitik, termasuk pertikaian perdagangan AS-China dan konflik di Timur Tengah, terus memberi kesan kepada dinamik pasaran.

Pasaran sukuk A.S. banyak dipengaruhi oleh dasar monetari Rizab Persekutuan dan dasar tarif pentadbiran Trump. Rizab Persekutuan telah melaraskan dasar monetari beberapa kali sepanjang tahun, mengutamakan risiko pekerjaan dan trajektori pertumbuhan, sambil mengawasi inflasi dengan teliti. Sementara itu, ketegangan perdagangan yang ada semakin meningkat disebabkan rundingan tarif, dan Rang Undang-Undang Besar Trump dilihat mengancam akan memburukkan lagi kedudukan fiskal yang semakin tidak terkawal, menjadikan pelabur sukuk berhati-hati sepanjang tahun di tengah-tengah kitaran pelonggaran. Keluk hasil Perbendaharaan A.S. meningkat dengan ketara, di mana hasil jangka pendek bergerak ke bawah seiring dengan pelonggaran kewangan Rizab Persekutuan,

manakala hasil jangka panjang pula meningkat, berpunca daripada kebimbangan tekanan inflasi yang diperbaharui dan kerisauan fiskal. Di samping itu, kerajaan A.S. mengalami rekod penutupan terpanjang berikutan kebuntuan politik mengenai rang undang-undang perbelanjaan, yang seterusnya menyumbang kepada pergolakan dan ketidakpastian pasaran. Perbendaharaan A.S. (UST) 10 tahun memuncak pada sekitar 4.80% pada awal tahun sebelum jatuh di bawah 4.00% sejurus selepas Hari Pembebasan. Hasil UST 10 tahun mengakhiri tempoh laporan pada 4.167%.

Pasaran sukuk Malaysia kekal agak berdaya tahan meskipun pergolakan kadar global terus meningkat. Bank Negara Malaysia meneruskan pendekatan berhati-hati, mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) tidak berubah pada separuh pertama, sebelum mengenakan pelarasan awal sebanyak 25 mata asas pada Julai daripada 3.00% kepada 2.75%. Sukuk Ringgit kerajaan menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2025, di mana keluk hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan (“GII”) meningkat dengan hasil jatuh sebanyak 17–38 mata asas di sepanjang keluk tersebut. Hasil GII 10 tahun ditutup pada 3.55%. Aliran asing ke dalam pasaran sukuk Malaysia mengakhiri tahun dengan aliran masuk bersih yang memberangsangkan sebanyak RM25.6 bilion, sebahagiannya didorong oleh Ringgit yang kukuh, yang meningkat sebanyak 10.15% berbanding USD. Selain USD yang secara amnya lebih lemah, prestasi Ringgit yang mengatasi mata wang serantau juga mencerminkan keyakinan pelabur yang lebih baik terhadap disiplin fiskal dan kestabilan ekonomi Malaysia. Sementara itu, sukuk korporat domestik mengalami pelebaran tebaran kredit. Ia jelas ketara pada penghujung tahun, di mana peningkatan bekalan dan sentimen pelabur yang berwaspada menyumbang kepada peluasan tebaran.

Ulaskan dan Prospek Pelaburan (sambungan)

Unjuran Pasaran Ekuiti 2026

Kami menjangkakan aktiviti ekonomi akan bertahan pada tahun 2026, dengan sedikit pertumbuhan di bawah trend sejarahnya. Permintaan domestik yang lemah di China akan menjadi penghalang, tetapi hasilnya ialah China kekal sebagai kuasa disinflasi di peringkat global, memandangkan terdapat deflasi harga pengeluaran dan kapasiti berlebihan dalam sektor perindustrian. Dinamik pertumbuhan di AS dan Eropah akan disokong oleh pelonggaran fiskal, dengan Jerman meningkatkan perbelanjaan infrastruktur dan pertahanannya manakala AS pula akan menyaksikan pemotongan cukai dan insentif pelaburan. Berbeza dengan dekad pra-pandemik, kitaran pelaburan global berkemungkinan masih cergas memandangkan terdapatnya perbelanjaan berkaitan AI dan teknologi yang kukuh dan pelaburan pertahanan dan infrastruktur yang lebih tradisional. Sebaliknya, peningkatan penggunaan swasta adalah terhad kerana pasaran buruh semakin lemah manakala sentimen isi rumah kekal suram. Kitaran pelonggaran monetari global masih perlu diteruskan, tetapi prospek untuk pelonggaran dasar tambahan kini agak terhad, dengan kadar yang secara amnya dianggap menghampiri tahap neutral. Walaupun jumlah pengangguran telah mula meningkat, kadar kemerosotan pasaran buruh tidak membimbangkan, dengan kebimbangan mengenai kemelesetan semakin reda. Keadaan kewangan secara lebih meluas juga dianggap menyokong, memandangkan prestasi pasaran saham global yang kukuh sepanjang tahun lalu.

Mengikut takwim Cina, Tahun 2026 adalah Tahun Kuda yang melambangkan tenaga dan kemerdekaan, satu sentimen yang dicerminkan dalam orientasi dasar China. China dijangka akan meneruskan usahanya untuk mencapai kemajuan teknologi dan kemandirian seperti yang digariskan dalam pelan lima tahun ke-15 (2026–2030). Eksport merupakan tonggak sokongan besar kepada ekonomi dan dijangka kekal sebagai pemacu pertumbuhan utama pada tahun 2026.



Kami menjangkakan pertumbuhan kukuh yang dipacu pelaburan akan berterusan pada tahun 2026, ditunjang oleh pelaksanaan lebih banyak pembaharuan dan projek infrastruktur, serta perkembangan projek Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ). 🗨️

Pertama, China telah mempelbagaikan pasaran eksportnya, dengan AS menyumbang kurang daripada 3% daripada KDNK, sekali gus mengurangkan kesan tarif yang disasarkan. Kedua, China mengekalkan pegangan kukuh ke atas pelbagai rantaian bekalan kritikal, daripada bahan mentah seperti nadir bumi kepada barangan modal dan perantara, sekaligus menjadikan pemisahan gandingan menjadi mahal dan mengganggu rakan dagang. Ketiga, daya saing negara semakin meningkat, bukan sahaja melalui kelebihan kos tetapi juga melalui penambahbaikan kualiti seperti yang ditunjukkan oleh kejayaan besar industri EV, yang membentuk semula dan meningkatkan persepsi tentang apa yang dimaksudkan dengan 'Buatan China'. Walaupun momentum eksport tahun 2025, yang didorong oleh penimbunan stok yang diramalkan tidak akan berulang sepenuhnya, faktor asas dijangka akan mengekalkan pertumbuhan yang stabil. Berikutan penurunan tarif kepada 30% selepas gencatan perdagangan AS-China, perdagangan dua hala mungkin berdepan gelombang kedua.

Ulasan dan Prospek Pelaburan (sambungan)

Malaysia melangkah ke tahun 2026 dengan perbelanjaan penggunaan yang lebih tegas dan aktiviti pelaburan yang lestari, menyokong prospek makro yang berdaya tahan dan pasaran ekuiti yang lebih membina. Kami menjangkakan pertumbuhan kukuh yang dipacu pelaburan akan berterusan pada tahun 2026, ditunjang oleh pelaksanaan lebih banyak pembaharuan dan projek infrastruktur, serta perkembangan projek Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ). Selain inisiatif pembaharuan ekonomi berbilang tahun, Tahun Melawat Malaysia 2026 dijangka menjadi pemangkin utama untuk tahun 2026, di mana kami percaya akan terus mendorong pertumbuhan pelancongan dan penggunaan di Malaysia. Faktor luaran diramalkan akan menjadi risiko penurunan utama kepada prospek pertumbuhan, termasuk kelembapan pertumbuhan global yang lebih ketara dan kemerosotan dalam kitaran teknologi. Peningkatan semula ketegangan perdagangan global dan tarif sektoral AS ke atas cip juga boleh menimbulkan beberapa halangan.

Unjuran Pasaran Sukuk 2026


Bagi 2026, ekonomi global dijangka akan terus berhadapan dengan landskap mencabar yang ditandai oleh potensi pertumbuhan yang agak perlahan dan ketidakpastian yang berterusan. IMF meramalkan unjuran pertumbuhan global akan menurun sedikit kepada 3.1% pada tahun 2026 (daripada 3.2% pada tahun 2025), dengan ekonomi maju berkembang sekitar 1.5%, manakala pasaran membangun melepasi paras 4%. Inflasi dijangka menurun secara global, namun berbeza mengikut negara. Risiko seperti ketidakpastian yang berpanjangan, perlindungan, dan kejutan bekalan buruh boleh menjejaskan pertumbuhan selanjutnya. Pembuat dasar digesa untuk memulihkan keyakinan melalui dasar yang lestari dan diyakini, termasuk diplomasi perdagangan dan pembaharuan struktur. Pilihan raya pertengahan penggal A.S. juga akan memainkan peranan penting, berpotensi untuk membesarkan pergolakan pasaran dan mempengaruhi dasar perdagangan. Secara keseluruhan, ekonomi global perlu mengendalikan kerumitan ini dengan keyakinan berwaspada dan pelarasan strategik.

Berdasarkan petunjuk daripada suku terakhir tahun 2025, pasaran sukuk global dijangka kekal dicirikan oleh kitaran pelonggaran tidak segerak antara bank pusat utama dunia pada tahun 2026. Walaupun Rizab Persekutuan AS dan BOE mungkin mengekalkan wajaran memihak terhadap kedudukan defensif, kitaran pelonggaran monetari global secara keseluruhan dilihat semakin menghampiri penghujungnya. Berdasarkan jangkaan awal kitaran pengetatan kadar seterusnya, pasaran mungkin menyaksikan peningkatan pergolakan. Ketidakpastian makroekonomi yang terdiri daripada tekanan fiskal yang berterusan, perkembangan geopolitik, serta potensi peningkatan inflasi daripada pelaksanaan tarif akan memacu sentimen kadar global.

Di dalam negara, Fitch mengesahkan semula penarafan negara 'BBB+' dengan Unjuran Stabil bagi Malaysia, mencerminkan jangkaan penurunan beransur-ansur dalam nisbah hutang kepada KDNK, disumbangkan oleh bukti komitmen kerajaan terhadap penggabungan fiskal. Melangkah ke hadapan, pertumbuhan KDNK 2026 dijangka kekal kukuh dengan unjuran inflasi yang stabil, menunjukkan kemungkinan pengekatan OPR oleh Bank Negara Malaysia. Keadaan bekalan dijangka kekal terurus walaupun di tengah-tengah disiplin fiskal, manakala permintaan dijangka terus disokong oleh pertumbuhan yang sihat dalam dana tempatan negara. Penggabungan fiskal yang berterusan dijangka dapat meningkatkan lagi kredibiliti fiskal Malaysia dan berpotensi membuka peluang untuk menaikkan penarafan negara. Walau bagaimanapun, tanpa pemangkin kadar dalam negara yang jelas, disertai oleh penggabungan kadar global, dan retorik perubahan dasar monetari, pemampatan pulangan selanjutnya dalam keluk hasil sukuk tempatan mungkin menjadi terhad meskipun terdapat asas ekonomi yang lestari dan sokongan teknikal bagi permintaan bekalan.


Prestasi Dana 2025

Dana i-Makmur



- Dana i-Makmur
- Pananda Aras-12 Bulan Kadar Deposit Mudharabah


Dana i-Mekar



- Dana i-Mekar
- Penanda Aras-FTSE Bursa Malaysia Emas Syariah

Prestasi Dana 2025 (sambungan)


Dana i-Majmuk



— Dana i-Majmuk
— Penanda Aras Wajaran

Nota:
Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan
-Tanda Aras Wajaran 50% berat pada Pulangan
Deposit Tetap 12 bulan dan 50% berat pada
Pulangan FBMS

Dana i-Ekuiti Global



— Dana i-Ekuiti Global
— Benchmark-MSCI ACWI
Islamic (Shariah) Index (MYR)

Source: Bloomberg: Benchmark-MSCI
ACWI Islamic (Shariah) Index (MYR)

Perbandingan Prestasi Dana

Dana i-Makmur

	2025 (RM)	2025 (%)	2024 (RM)	2024 (%)	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)
(i) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Ekuiti patuh syariah	-	0.00%	11,752,425	7.16%	-	-	-	-	-	-
Elektrik, Gas dan Air	-	0.00%	11,752,425	7.16%	-	-	-	-	-	-
Sukuk Korporat & Instrumen pasaran Modal Hibrid										
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	-	-	1,007,760	0.61%	1,005,760	0.66%	968,040	0.73%	-	-
Pembinaan	10,929,239	6.30%	8,779,719	5.35%	4,509,630	2.96%	4,513,875	3.39%	6,138,420	5.16%
Elektrik, Gas dan Air	52,621,534	30.32%	49,162,966	29.95%	-	-	-	-	-	-
Kewangan, Insurans, Hartanah and Perkhidmatan Perniagaan	67,526,552	38.90%	34,794,640	21.20%	10,201,290	6.69%	10,862,450	8.16%	5,981,660	5.02%
Lebuhraya	-	-	-	-	-	-	-	-	814,464	0.68%
Pembuatan	5,625,750	3.24%	11,318,850	6.90%	-	-	-	-	-	-
Perilombongan & Kuari	-	-	4,089,480	2.49%	-	-	-	-	-	-
Minyak & Gas	-	-	-	-	16,741,935	10.99%	15,991,005	12.02%	1,513,605	1.27%
Lain-lain	-	-	-	-	3,073,050	2.02%	3,021,660	2.27%	-	-
Tenaga Kuasa	-	-	-	-	42,337,530	27.80%	36,970,182	27.77%	30,341,823	25.50%
Hartanah	-	-	-	-	-	-	5,114,900	3.84%	13,112,836	11.02%
Telekomunikasi & Media	-	-	-	-	17,329,615	11.38%	10,022,465	7.53%	2,926,740	2.46%
Pengangkutan, Simpanan dan Telekomunikasi	8,553,834	4.94%	13,478,077	8.22%	1,305,804	0.86%	1,263,108	0.95%	5,624,140	4.73%
Utiliti	-	-	-	-	19,385,574	12.73%	16,833,480	12.66%	15,147,150	12.73%
	145,256,909	83.67%	122,621,492	74.72%	115,890,188	76.09%	105,561,165	79.32%	81,600,838	68.57%
Aset berisiko rendah										
Pelaburan terbitan kerajaan	11,712,650	6.75%	12,371,000	7.54%	20,546,791	13.49%	4,294,700	3.23%	17,841,090	14.99%
Deposit dengan institusi kewangan Islam	17,370,000	10.01%	11,830,000	7.21%	12,000,000	7.88%	20,180,000	15.17%	17,700,000	14.87%
Tunai dan baki bank	316,260	0.18%	160,139	0.10%	12,422,886	8.16%	74,301	0.06%	195,991	0.16%
Lain-lain asset/(liabiliti)	(1,075,014)	(0.62%)	5,359,307	3.27%	(8,565,481)	(5.62%)	2,952,851	2.22%	1,657,715	1.40%
Jumlah	173,580,805	100.00%	164,094,363	100.00%	152,294,384	100.00%	133,063,017	100.00%	118,995,634	100.00%

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Makmur (sambungan)

	2025 (RM)	2025 (%)	2024 (RM)	2024 (%)	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)
(II) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	173,580,805	-	164,094,363	-	152,294,384	-	133,063,017	-	118,995,634	-
(III) Bilangan Unit	72,230,278	-	72,955,380	-	71,953,591	-	67,565,773	-	62,111,073	-
(IV) NAV setiap unit	2,403	-	2,249	-	2,117	-	1,969	-	1,916	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	2,305	-	2,184	-	2,083	-	1,943	-	1,944	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	2,177	-	2,079	-	1,856	-	1,856	-	1,853	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%) Pertumbuhan modal		5.54%		4.85%		7.21%		2.32%		(2.06)%
(VIII) Jumlah pulangan (%)										
Satu tahun	-	5.54%	-	4.85%	-	7.21%	-	2.32%	-	(2.06)%
Tiga tahun	-	18.63%	-	15.01%	-	7.43%	-	10.59%	-	19.51%
Lima tahun	-	18.88%	-	24.30%	-	31.09%	-	28.85%	-	33.83%
(IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan										
- Deposit Muharabah 12 Bulan (%)		2.27%		2.38%		2.37%		1.93%		1.61%
Satu tahun	-	7.19%	-	6.83%	-	6.03%	-	5.71%	-	6.75%
Tiga tahun	-	11.02%	-	10.79%	-	11.40%	-	12.01%	-	13.12%
Lima tahun	-		-		-		-		-	

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Mekar

	2025 (RM)	2025 (%)	2024 (RM)	2024 (%)	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)
(i) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Ekuiti patuh syariah	-	-	-	-	34,369,325	9.42%	31,106,307	9.62%	1,989,778	0.68%
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	-	-	-	-	14,146,210	3.88%	16,701,700	5.18%	16,518,815	5.65%
Bahan Binaan	-	-	-	-	18,634,212	5.10%	9,746,620	3.01%	16,924,121	5.78%
Konglomerat	40,981,722	9.52%	31,679,213	7.24%	18,274,639	5.02%	10,114,565	3.13%	10,065,597	3.44%
Pembinaan	30,897,822	7.15%	33,455,668	7.62%	-	-	-	-	-	-
Produk Pengguna & Servis	-	-	117,293	0.03%	-	-	-	-	-	-
Pengguna, Sikkilak	25,067,920	5.82%	13,603,969	3.11%	7,292,895	1.99%	-	-	-	-
Tenaga	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Keuangan, Insurans, Hartanah and Perkhidmatan Perniagaan	8,453,557	1.96%	2,782,533	0.64%	-	-	2,073,708	0.64%	3,539,400	1.21%
Perkhidmatan Kesihatan	33,994,502	7.89%	34,038,534	7.77%	-	-	-	-	-	-
Industri	16,834	0.00%	1,699	0.00%	-	-	-	-	-	-
Produk Industri & Servis	52,300,218	12.12%	71,022,809	16.21%	-	-	-	-	-	-
Motor	-	-	-	-	5,047,424	1.38%	12,817,239	3.96%	8,704,788	2.98%
Minyak & Gas	-	-	-	-	28,708,213	7.86%	37,031,581	11.45%	37,330,095	12.76%
Lain-lain	-	-	-	-	27,209,092	7.46%	38,658,114	11.95%	27,904,654	9.54%
Lain-lain - Asing	14,537,224	3.37%	7,202,465	1.64%	-	-	7,411,705	2.28%	3,390,383	1.16%
Lain-lain - Pembinaan	-	-	-	-	6,032,869	1.64%	-	-	-	-
Perladangan	36,870,029	8.55%	31,560,237	7.21%	-	-	-	-	-	-
Tenaga Kuasa	-	-	-	-	2,795,650	0.77%	-	-	-	-
Hartanah	17,383,411	4.02%	23,560,491	5.37%	10,616,620	2.91%	4,954,881	1.52%	8,990,085	3.07%
Institusi Kuasi-Kerajaan	-	-	-	-	2,050,935	0.56%	2,135,220	0.66%	2,572,965	0.88%
Teknologi	33,385,001	7.73%	42,674,444	9.74%	62,277,330	17.06%	25,008,447	7.72%	26,693,221	9.12%
Telecommunications & Media	38,291,168	8.87%	36,423,342	8.31%	35,919,590	9.85%	43,571,579	13.48%	43,850,623	14.99%
Perdagangan & Peruncitan	-	-	-	-	4,480,782	1.23%	6,419,592	1.99%	9,244,477	3.16%
Pengangkutan dan Logistik	15,080,000	3.50%	4,692,570	1.07%	5,481,120	1.51%	12,460,330	3.86%	15,533,103	5.31%
Utiliti	56,972,137	13.73%	53,851,022	12.35%	43,187,722	11.83%	21,525,338	6.66%	28,535,951	9.75%
406,231,544	94.25%	386,666,289	88.31%	326,524,628	89.47%	281,737,027	87.11%	261,788,056	89.48%	
Depositi dengan institusi kewangan Islam	-	-	10,000,000	2.28%	7,000,000	1.93%	-	-	5,000,000	1.71%
Tunai dan baki bank	21,708,004	5.04%	39,607,572	9.04%	32,374,254	8.87%	35,377,562	10.99%	23,757,025	8.12%
Lain-lain asset/(liabiliti)	3,127,506	0.73%	1,623,110	0.37%	(967,108)	-0.27%	6,146,000	1.90%	2,011,974	0.69%
431,067,055	100.00%	437,896,971	100.00%	364,931,774	100.00%	323,260,589	100.00%	292,557,050	100.00%	

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Mekar (sambungan)

	2025 (RM)	2025 (%)	2024 (RM)	2024 (%)	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)
(II) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	431,067,055	-	437,896,971	-	364,931,774	-	323,260,589	-	292,557,060	-
(III) Bilangan Unit	251,114,768	-	248,369,450	-	234,916,850	-	206,118,175	-	172,147,986	-
(IV) NAV setiap unit	1.717	-	1.763	-	1.553	-	1.568	-	1.699	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.742	-	1.831	-	1.679	-	1.679	-	1.777	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.446	-	1.530	-	1.422	-	1.422	-	1.628	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)	-	(2.70%)	-	13.71%	-	(0.84%)	-	(8.42%)	-	(2.77%)
(VIII) Jumlah pulangan (%)	-	(2.70%)	-	13.71%	-	(0.84%)	-	(8.42%)	-	(2.77%)
Satu tahun	-	9.71%	-	3.26%	-	(11.70%)	-	1.05%	-	16.83%
Tiga tahun	-	(2.31%)	-	13.93%	-	6.09%	-	1.05%	-	18.55%
Lima tahun	-		-		-		-		-	
(IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan - FBM100	-	(3.93%)	-	14.58%	-	0.46%	-	(10.80%)	-	(6.81%)
Satu tahun	-	10.56%	-	2.67%	-	(16.49%)	-	(8.45%)	-	6.59%
Tiga tahun	-	(8.08%)	-	5.38%	-	(4.48%)	-	917.77%	-	2.07%
Lima tahun	-		-		-		-		-	

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Majmuk

	2025 (RM)	2025 (%)	2024 (RM)	2024 (%)	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)
(i) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Ekuiti patuh syariah	-	-	-	-	8,935,635	8.22%	7,652,470	7.94%	3,053,446	3.42%
Pertanian & Pelombongan	-	-	-	-	5,056,771	4.65%	4,400,008	4.55%	4,618,322	5.15%
Bahan Pembinaan/Pembangunan	-	-	-	-	5,205,171	4.78%	4,237,616	4.37%	4,155,617	4.64%
Konglomerat	12,489,752	9.56%	12,677,265	9.82%	6,291,249	5.79%	4,155,009	4.31%	4,364,262	4.87%
Pembinaan	5,891,725	4.50%	6,661,347	5.15%	-	-	-	-	-	-
Produk Pengguna & Servis	6,913,304	5.30%	3,072,391	2.39%	340,860	0.31%	-	-	-	-
Tenaga	353,640	0.27%	833,280	0.65%	-	-	967,785	1.00%	290,540	0.32%
Kewangan, Insurans, Hartanah and Perkhidmatan Perumahan	10,599,880	8.10%	8,545,222	6.61%	-	-	-	-	-	-
Penjagaan Kesihatan	15,618,338	11.94%	13,385,904	10.36%	-	-	-	-	488,800	0.55%
Produk Industri & Servis	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Infrastruktur	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Perkhidmatan Pelancongan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Motor	-	-	-	-	46,216	0.04%	-	-	747,840	0.83%
Minyak & Gas	-	-	-	-	7426,013	6.82%	8,352,920	8.65%	11,240,356	12.54%
Lain-lain	-	-	-	-	3,127,392	2.88%	6,248,430	6.48%	7,007,965	7.83%
Lain-lain - Pembinaan	6,614,002	5.06%	7,617,529	5.90%	631,090	0.58%	1,822,227	1.92%	5,438,153	6.09%
Perladangan	2,854,605	2.17%	9,155,696	7.08%	788,430	0.71%	389,520	0.40%	1,317,599	1.47%
Tenaga Kuasa	-	-	-	-	3,848,788	3.54%	884,260	0.92%	856,575	0.96%
Hartanah	8,023,164	6.18%	9,657,019	7.52%	11,678,960	10.73%	8,805,051	9.10%	5,718,760	6.38%
Institusi Kuasi-Kerajaan	12,558,887	9.62%	11,502,563	8.92%	12,454,451	11.45%	9,988,712	10.34%	12,635,526	14.09%
Teknologi	-	-	-	-	74,011	0.07%	448,401	0.46%	867,160	0.97%
Telekomunikasi & Media	3,595,631	2.75%	3,753,868	2.91%	2,302,182	2.12%	1,635,688	1.70%	3,462,225	3.86%
Perdagangan & Peruncitan	16,147,127	12.35%	13,696,038	10.61%	8,003,117	7.35%	4,141,872	4.28%	5,699,926	6.36%
Pengangkutan & Logistik	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Utiliti	101,670,056	77.79%	100,558,122	77.92%	76,190,336	70.04%	64,129,969	66.42%	71,963,072	80.33%

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Majmuk (sambungan)

	2025 (RM)	2025 (%)	2024 (RM)	2024 (%)	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)
(II) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	130,713,375	-	129,077,661	-	108,801,984	-	96,631,938	-	89,607,792	-
(III) Bilangan Unit	80,225,173	-	80,359,515	-	77,330,115	-	69,984,160	-	60,951,591	-
(IV) NAV setiap unit	1,629	-	1,606	-	1,407	-	1,381	-	1,470	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,632	-	1,636	-	1,457	-	1,457	-	1,556	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,347	-	1,393	-	1,271	-	1,271	-	1,406	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)	-	1.45%	-	13.92%	-	1.83%	-	(6.81%)	-	(4.17%)
Pertumbuhan modal	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
(VIII) Jumlah pulangan (%)	-	1.45%	-	13.92%	-	1.83%	-	(6.81%)	-	(4.17%)
Satu tahun	-	17.68%	-	8.10%	-	(9.07%)	-	(6.93%)	-	6.68%
Tiga tahun	-	5.09%	-	7.95%	-	1.23%	-	(4.93%)	-	14.23%
Lima tahun	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
(ix) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan - Tanda Aras Wajaran 50% berat pada Pulangan Deposit Tetap 12 bulan dan 50% berat pada Pulangan FBMS	-	(0.83%)	-	8.48%	-	1.42%	-	(4.44%)	-	(2.60%)
Satu tahun	-	8.89%	-	4.75%	-	(5.23%)	-	(1.37%)	-	(6.67%)
Tiga tahun	-	1.47%	-	8.09%	-	3.46%	-	(2.88%)	-	(7.60%)
Lima tahun	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Penyata oleh Pengurus

Kami, Shahrul Azlan Bin Shahrman dan Jasveen Kaur Marne, menyatakan bahawa, pada pendapat Great Eastern Takaful Berhad (“Pengurus”), maklumat kewangan mengiringi Dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad, yang terdiri daripada Dana i-Makmur, Dana i-Mekar, Dana i-Majmuk dan Dana i-Ekuiti Global yang dibentangkan pada mukasurat 25 hingga 55 telah disediakan selaras dengan polisi-polisi perakaunan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Pengurus,

Shahrul Azlan Bin Shahrman

Jasveen Kaur Marne

Kuala Lumpur, Malaysia
30 Mac 2026

Shariah Committee's Report

Kepada pemegang-pemegang unit dana-dana berkaitan pelaburan Great Eastern Takaful Berhad,

Kami, Asst. Prof. Dr. Muhammad Naim bin Omar dan En. Mohd Fadhly bin Md Yusoff, selaku dua orang ahli Jawatankuasa Syariah untuk Dana i-Makmur, Dana i-Mekar, Dana i-Majmuk dan Dana i-Ekuiti Global (secara kolektifnya dikenali sebagai "Dana-dana") berpendapat bahawa Great Eastern Takaful Berhad ("Pengurus"), telah memenuhi tanggungjawab mereka dalam cara-cara berikut untuk tahun kewangan 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025.

Pada pendapat kami, bagi tempoh dibawah tinjauan:

- a. Dana i-Makmur telah dilaburkan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad;
- b. Dana i-Mekar dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- c. Dana i-Majmuk dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad;
- d. Dana i-Ekuiti Global telah dilaburkan mengikut senarai ekuiti yang diluluskan Syariah tempatan dan asing yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan Morgan Stanley Capital International All Country World Index (MSCI ACWI) Islamic Index; dan
- e. Tiada pendapatan direalisasikan daripada aset-aset yang dilaburkan atau dengan cara-cara yang tidak mematuhi prinsip Syariah.

Ditandatangani bagi pihak Jawatankuasa Syariah,

Asst. Prof. Dr. Muhammad Naim bin Omar

En. Mohd Fadhly bin Md Yusoff

Kuala Lumpur, Malaysia
30 Mac 2026

Laporan Juruaudit Luar

kepada Pemegang-pemegang Sijil Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Registration No. 201001032332 (916257-H)

Laporan mengenai Audit Maklumat Kewangan

Pendapat Kami

Pada pendapat kami, maklumat kewangan Dana-dana yang disertakan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 telah disediakan menurut dasar perakaunan penting yang dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Apa yang telah diaudit oleh kami

Kami telah mengaudit penyata kewangan untuk Dana-dana, yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2025, penyata perbelanjaan dan pendapatan, penyata perubahan dalam nilai aset bersih bagi tahun berakhir tersebut, dan ringkasan polisi perakaunan yang penting, seperti yang dinyatakan pada muka surat 25 hingga 55.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut didalam seksyen "*Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan* laporan" ini.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas bagi pendapat kami.

Penekanan perkara - asas perakaunan dan sekatan ke atas pengagihan dan penggunaan

Kami ingin menarik perhatian kepada Nota 2.1 kepada maklumat kewangan Dana-dana, yang menjelaskan dasar perakaunan. Maklumat kewangan disediakan untuk membantu Dana-dana dalam memenuhi syarat Garis Panduan Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, maklumat kewangan Dana-dana mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami adalah bertujuan semata-mata untuk pemegang-pemegang sijil Danadana, sebagai sebuah badan dan tidak boleh diagihkan kepada atau digunakan oleh pihak lain selain daripada pemegang-pemegang sijil Dana-dana. Pendapat kami tidak diubahsuai berkenaan dengan perkara ini.

Kebebasan dan tanggungjawab etika yang lain

Kami beroperasi secara bebas daripada Dana-dana menurut Undang-undang Kecil (berkaitan Etika, Perilaku dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Profesional bagi Akauntan (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab beretika yang lain menurut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit

Para Pengarah Great Eastern Takaful Berhad ("Pengurus") bertanggungjawab untuk maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Dana-Dana Berkaitan Pelaburan, tetapi tidak termasuk maklumat kewangan Dana-dana dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Laporan Juruaudit Luar (sambungan)
kepada Pemegang-pemegang Sijil Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)
Registration No. 201001032332 (916257-H)

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit (sambungan)

Pendapat kami ke atas maklumat kewangan Dana-dana tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulannya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas maklumat kewangan Dana-dana, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras secara matan dengan penyata kewangan Dana-dana atau maklumat yang kami perolehi daripada pengauditan atau sebaliknya menampakkan salah nyata yang matan.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan ke atas maklumat lain yang kami perolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara bagi maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Para Pengarah Pengurus maklumat kewangan

Para Pengarah Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan maklumat kewangan Dana-dana selaras dengan dasar-dasar perakaunan penting seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang sewajarnya bagi memastikan penyediaan maklumat kewangan Dana-dana bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan maklumat kewangan, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana-dana untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, menyatakan sepertimana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan perakaunan asas usaha berterusan melainkan sekiranya para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Dana-dana atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain untuk berbuat demikian.

Para Pengarah Pengurus bertanggungjawab untuk memantau proses pelaporan kewangan Danadana.

Tanggungjawab-tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan

Objektif-objektif kami adalah untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada maklumat kewangan Dana-dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap kepastian yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara jika ia wujud. Salah nyata boleh timbul akibat penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau agregat, boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna-pengguna, yang dibuat berdasarkan maklumat kewangan ini.

Laporan Juruaudit Luar (sambungan)
kepada Pemegang-pemegang Sijil Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)
Registration No. 201001032332 (916257-H)

Tanggungjawab-tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan (sambungan)

Kami mengamalkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Kami juga:

- (a) Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam maklumat kewangan Danadana, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, menyediakan dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, maklumat yang sengaja ditinggalkan, gambaran yang salah, atau melanggar prosedur-prosedur kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana-dana.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan dan anggaran perakaunan yang digunakan dan juga menilai nota-nota kepada maklumat kewangan yang dibuat oleh Pengurus.
- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh Pengurus dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian matan berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan dana-dana meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian matan wujud, kami dikehendaki menyerlahkannya di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam maklumat kewangan Dana-dana atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Dana-dana menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Perkara-Perkara Lain

Laporan ini disediakan khusus bagi pemegang sijil Dana-dana, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain berhubung kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT

LLP0014401-LCA & AF1146

Akauntan-akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur

30 Mac 2025

Penyata Aset dan Liabiliti

Pada 31 Disember 2025

Nota	2025					2024				
	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Ekuiti Global RM	Dana i-Ekuiti Global RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Ekuiti Global RM	Dana i-Ekuiti Global RM
Aset										
Pelaburan	156,969,559	406,231,544	126,294,376	8,332,131	8,332,131	147,744,917	386,666,289	115,885,992	8,245,494	8,245,494
Cukai belum terima	-	1,317,216	138,978	595	595	-	-	-	-	-
Aset cukai tertunda	-	-	-	30,245	30,245	-	-	-	-	-
Lain-lain penghutang	9,366,053	25,434,140	30,543,041	11,053,722	11,053,722	6,783,993	27,483,615	26,047,300	7,957,412	7,957,412
Tunai dan baki bank	17,686,260	21,708,004	4,059,984	108,220	108,220	10,990,139	49,607,572	12,747,472	13,976	13,976
Jumlah aset	184,021,872	454,690,904	161,035,379	19,524,913	19,524,913	165,519,049	463,757,476	154,680,764	16,216,882	16,216,882
Liabiliti										
Lain-lain pemiutang	9,379,645	20,752,898	29,108,297	4,190,141	4,190,141	75,173	22,818,087	24,583,016	3,391,254	3,391,254
Liabiliti cukai tertunda	252,361	2,870,951	1,213,707	-	-	247,449	2,881,237	1,003,453	40,502	40,502
Peruntukan bagi cukai	809,061	-	-	-	-	1,102,064	161,181	16,634	14,413	14,413
Jumlah liabiliti	10,441,067	23,623,849	30,322,004	4,190,141	4,190,141	1,424,686	25,860,505	25,603,103	3,446,169	3,446,169
Nilai aset bersih dana ("NAV")	173,580,805	431,067,055	130,713,375	15,334,772	15,334,772	164,094,363	437,896,971	129,077,661	12,770,713	12,770,713
Diwakili oleh:										
Modal pemegang-pemegang unit	124,746,977	394,426,146	111,766,359	15,589,921	15,589,921	124,010,811	389,967,709	112,127,997	12,186,335	12,186,335
Keuntungan terkumpul	48,833,828	36,640,909	18,947,016	(255,149)	(255,149)	40,083,552	47,929,262	16,949,664	584,378	584,378
Akaun pemegang-pemegang unit	173,580,805	431,067,055	130,713,375	15,334,772	15,334,772	164,094,363	437,896,971	129,077,661	12,770,713	12,770,713
Unit dalam edaran	72,230,278	251,114,769	80,225,172	8,243,718	8,243,718	72,955,380	248,369,450	80,359,515	7,222,363	7,222,363
NAV setiap unit	2.403	1.717	1.629	1.860	1.860	2.249	1.763	1.606	1.768	1.768

Nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting maklumat kewangan ini.

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025

	2025			2024		
	Dana i-Makmur RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Ekuiti Global RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Ekuiti Global RM
Pendapatan pelaburan bersih						
Keuntungan daripada akaun pelaburan patuh Syariah	329,748	17,942	-	286,417	21,753	62,260
Keuntungan daripada sekuriti hutang korporat Syariah	6,264,415	507,079	-	5,978,853	-	464,619
Keuntungan daripada sekuriti Kerajaan Malaysia	582,721	323,977	-	665,094	-	173,307
Pendapatan dividen	-	2,637,200	-	437,158	11,135,760	2,644,982
Perbelanjaan pelaburan	(8,985)	(386,401)	(1,637)	(7,595)	(1,961,739)	(470,887)
	7,167,899	3,099,797	(1,637)	7,359,927	9,195,774	2,874,281
Keuntungan atas pelupusan pelaburan	2,962,699	-	12,741	706,111	10,193,182	1,746,792
Keuntungan bersih modal tidak direalisasikan	61,402	490,303	2,628,172	759,442	40,740,397	13,222,520
Lain-lain pendapatan	1,973	407,119	533	838	231,540	183,615
Jumlah pendapatan	10,193,973	10,398,005	5,833,520	8,826,318	60,360,893	18,027,208
Kerugian atas pelupusan pelaburan	-	(15,499,495)	(2,285,935)	-	-	-
Kerugian bersih modal tidak direalisasikan	-	-	(884,338)	-	-	(268,652)
Caj pengurusan aset	(795,924)	(1,501,149)	(36,188)	(769,985)	(5,848,841)	(1,487,169)
